

LEGASI ULAMAK BANJAR: TUAN HUSSAIN KEDAH

Disediakan Oleh:

**Ahmad Yumni Bin Abu Bakar
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Kedah**

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan perpindahan ulama Banjar ke Kedah dan latar belakang Syeikh Muhammad Taib. Selain itu, dibincangkan mengenai biografi tokoh secara terperinci yang merangkumi salasilah keturunan Tuan Hussain Kedah, pendidikan tokoh, sumbangan tokoh dalam penubuhan enam institusi pondok dan ketokohan beliau yang agak luar biasa khususnya dalam membangunkan institusi pondok yang begitu banyak. Seterusnya, dibincangkan juga mengenai keperibadian dan prinsip hidup tokoh, sumbangan Tuan Hussain Kedah dalam bidang penulisan dan penggunaan pelbagai teknik penyampaian dalam karya ilmiah tokoh. Akhir sekali, dibincangkan pula mengenai perpindahan Tuan Hussain Kedah ke Pokok Sena dan kematian tokoh yang sukar dicari ganti.

Keywords—Legasi Ulamak Banjar; Keturunan Tuan Hussain Kedah; sumbangan tokoh dalam bidang institusi pengajian Pondok, Pendidikan dan Penulisan karya ilmiah.

Pengenalan

Ulama Aceh dan Patani telah memberikan sumbangan dan peranan dalam bidang dakwah Islamiah di negeri Kedah melalui penubuhan institusi pondok yang didirikan oleh mereka. Selain ulama Aceh dan Patani, ulama Banjar turut berhijrah ke Kedah dan memainkan peranan dalam menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat tempatan. Terdapat empat orang ulama Banjar yang masyhur di Kedah pada masa itu, iaitu Kadi Haji Abu Su'ud, Syeikh Mas'ud, Syeikh Muhammad Taib dan Tuan Hussain Kedah. Keempat-empat tokoh ini daripada nasab keturunan Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari yang merupakan ulama agung Nusantara. Fokus utama kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan mengenai biografi Tuan Hussain Kedah yang telah banyak memberikan sumbangan dan khidmat bakti kepada masyarakat setempat yang berada di negeri Kedah, Perak, Penang khususnya dan Malaysia amnya. Sumbangan besar dakwah Islamiah beliau di dalam bidang pengajian sistem pondok dan pendidikan. Beliau juga memberikan sumbangan besar dalam bidang penulisan dan penggunaan pelbagai teknik-teknik penyampaian dalam penulisan karya ilmiah.

Penghijrahan Ulama Banjar ke Kedah

Ulama Banjar yang terawal berhijrah ke Kedah ialah Kadi Haji Abu Su'ud bin Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari (1710 – 1812 M). Beliau merupakan anak Syeikh Muhammad Arsyad dengan isterinya yang bernama Tuan Bidur. Sebenarnya beliau tidak pernah merancang untuk menetap di Kedah, tetapi kapal layar yang dinaikinya untuk pulang ke Martapura selepas menunaikan fardu haji telah singgah di Kuala Kedah. Kebetulan pula pada waktu tersebut, Kuala Kedah sedang dikawal rapi oleh panglima-panglima negeri Kedah untuk menangkis serangan Siam kerana Kedah dan Siam pada masa itu sedang bersengketa (Abu Daudi, 2003, hlm. 157).

Apabila panglima-panglima yang sedang berkawal ternampak sebuah kapal layar berlabuh di situ, mereka memberikan isyarat bahawa Kuala Kedah sedang dikawal rapi. Nakhoda kapal yang dinaiki oleh Kadi Haji Abu Su'ud yang tidak mengetahui persengketaan Kedah-Siam menjawab isyarat tersebut dengan memberikan isyarat yang sama. Namun maksud sebenar nakhoda adalah untuk menyatakan bahawa penumpang-penumpang kapal memerlukan bantuan.

Tetapi hasrat nakhoda telah disalah tafsir oleh para panglima yang menyangka bahawa penumpang-penumpang kapal bersedia untuk berlawan. Justeru, para panglima yang berkawal di pantai diarahkan pergi menyerang kapal tersebut. Apabila sampai di kapal, mereka terperanjat kerana tidak ada tanda-tanda bahawa penumpang kapal tersebut ingin berperang. Namun mereka tetap ditangkap dan dibawa ke pantai untuk disiasat. Setelah disiasat, terbukti bahawa mereka bukanlah wakil dari Siam. Justeru, mereka dibebaskan kembali (Wan Mohd. Shaghir, 2001, hlm. 34).

Selepas peristiwa tersebut, Sultan Kedah meminta Kadi Haji Abu Su'ud terus tinggal di Kedah untuk mengajar ilmu agama kepada baginda dan rakyat Kedah kerana Kadi Haji Abu Su'ud memiliki ilmu agama yang tinggi. Beliau merupakan seorang ulama yang tegas, bertanggungjawab, berani menegakkan kebenaran dan bijak membuat keputusan. Kekuatan peribadi Kadi Haji Abu Su'ud disebabkan beliau merupakan anak kepada Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari yang sangat terkenal kerana bukunya, *Sabil al-Muhtadin* menjadi kitab rujukan di seluruh Asia Tenggara. Beliau dikatakan mewarisi ilmu agama daripada bapanya sehingga berjaya menjadi kadi pertama di Banjar dan guru kepada Sultan Sulaiman. (Wan Mohd. Shaghir, 2001, hlm. 34) Selain itu, beliau juga mewarisi ilmu kepahlawanan daripada bapanya. Beliau telah berkahwin dengan seorang keluarga diraja Kedah dan menetap di Titi Gajah. Daripada keturunan beliau, lahir beberapa orang ulama terkenal di Kedah, antaranya Syeikh Muhammad Taib dan Tuan Hussain (Abu Daudi, 2003, hlm. 157–158).

Latar Belakang Syeikh Muhammad Taib

Nama penuh beliau ialah Muhammad Taib bin Mas'ud bin Kadi Haji Abu Su'ud bin Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari. Beliau hidup sekitar abad ke-19. Menurut riwayatnya, penghijrahan keluarganya dari Banjar ke Kedah berlaku apabila datuknya, Kadi Haji Abu Su'ud singgah di Kedah dalam perjalanannya ke Banjar setelah pulang menunaikan ibadat haji (Syeikh Abdul Rahman Siddiq, hlm. 30). Di Kedah, sultan mencadangkan agar Kadi Haji Abu Su'ud berkahwin dengan seorang perempuan daripada keturunan Diraja Kedah. Daripada perkahwinan tersebut, mereka memperoleh seorang anak yang diberi nama Mas'ud. Mas'ud pula telah berkahwin dengan seorang perempuan bernama Rajmah. Mereka dikurniakan empat orang

anak, iaitu Haji Muhammad Taib (mufti, guru kepada sultan), Saerah, Haji Muhammad Zain (kadi) dan Haji Bahauddin (pahlawan), (Syeikh Abdul Rahman Siddiq bin Muhammad Afif al-Banjari, hlm. 32). Syeikh Mas'ud telah terkorban di Kuala Kedah pada tahun 1821 dalam peperangan antara Patani dan Kedah melawan Siam. Oleh itu, namanya terkenal dan tercatat dalam beberapa buah manuskrip sebagai Mas'ud al-Syahid. (Nama Mas'ud al-Syahid ada tercatat dalam tulisan Syeikh Abdul Rahman Siddiq, hlm. 33). Jelaslah bahawa keturunan Syeikh Muhammad Taib adalah dari Banjar sebelah bapanya, dan dari Kedah sebelah ibunya (Mas'ud al-Banjari al-Syahid juga tercatat dalam kitab karangan Tuan Hussain, Usul al-Tauhid, hlm. 82).

Salasilah Keturunan Tuan Hussain Kedah

Tuan Hussain bin Haji Muhammad Nasir Bin Syeikh Muhammad Taib Bin Haji Mas'ud Bin Kadi Haji Abu Su'ud Bin Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari merupakan tokoh ulung yang tidak asing lagi kepada penduduk di negeri utara semenanjung khasnya dan Malaysia amnya. Perkataan Al- Banjari yang selalu digunakan pada akhir nama beliau menunjukkan bahawa beliau berasal daripada rumpun Banjar. Beliau merupakan keturunan keenam daripada ulama besar Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, pengarang kitab *Sabil al-Muhtadin* yang bersalasilah daripada Sultan Muhammad Aminullah Negeri Martapura, Banjarmasin. Nenek moyangnya dipercayai berasal dari Kelampaian, Martapura, Banjarmasin. Beliau dilahirkan pada 2 November 1863 di Titi gajah Alor Setar (Ahmad Abd. Garni bin Haji Said, 1976, hlm. 77).

Pendidikan tokoh

Pendidikan awal diajar ilmu-ilmu agama dan bahasa Arab oleh datuknya Syeikh Muhammad Taib (Mufti Kedah zaman Sultan Ahmad Tajuddin), iaitu ketika umurnya meningkat 19 tahun (1299 H/1881 M). Pada umur tersebut beliau meminta izin daripada datuknya untuk berhijrah menyambung pelajaran. Hasratnya direstui dan dengan nasihat datuknya, Tuan Hussain berangkat ke Patani dengan berjalan kaki. Pada waktu itu, Patani masyhur dengan sekolah-sekolah pondok dan ulama-ulama yang tersohor, antaranya ialah Tuan Samela. Menurut Ahmad Abdul Ghani, Samela ialah nama sebuah tempat di Patani dan Tuan Samela ialah gelaran yang

diberikan kepada seorang tuan guru sekolah pondok di situ. Tuan Samela juga merupakan guru kepada datuknya, Haji Muhammad Taib. Tuan Hussain hanya berada di Patani selama setahun kerana ilmu yang diajar di situ mempunyai persamaan seperti yang pernah beliau pelajari daripada datuknya ketika berada di kampung. Tidak lama selepas itu, pada tahun 1300 Hijrah/1882 Masihi, Tuan Hussain berangkat untuk meneruskan pengembaraannya ke Kelantan. Beliau mengambil keputusan untuk tinggal beberapa ketika di negeri Kelantan dengan tujuan untuk menziarah dan meninjau perjalanan sekolah-sekolah pondok yang dikendalikan oleh tuan-tuan guru dan alim ulama yang masyhur pada waktu itu. Di sini, Tuan Hussain sempat mengunjungi dan mengambil ilmu daripada tokoh-tokoh ulama yang tersohor ketika itu seperti Tuk Khurasan, Tuan Tabal, Tuan Padang, Tuk Kono' dan lain-lain (Ahmad Abd. Garni bin Haji Said, 1976, hlm. 77).

Setelah menghabiskan waktu berharganya selama setahun di Kelantan, Tuan Hussain meneruskan lagi perjalanannya ke Terengganu pada tahun 1301 Hijrah/1883 Masihi dengan menaiki sebuah tongkang. Ketika berada di negeri Terengganu, beliau mengambil keputusan untuk tinggal bersama saudara sepupunya dan melakukan pelbagai pekerjaan di kampung tersebut untuk menyara kehidupan serta memperoleh perbelanjaan bagi meneruskan pengembaraannya. Beliau tinggal di Terengganu selama setahun. Setelah itu, Tuan Hussain meneruskan lagi perjalanannya dengan menumpang tongkang ke Singapura. Ketika berada di Singapura, beliau tidak menuntut ilmu sebaliknya bekerja sebagai buruh kasar untuk mengumpul wang bagi tujuan pengembaraannya. Pada tahun 1303 Hijrah/1886 Masihi, beliau menjejakkan kaki ke Johor dan seterusnya memasuki Melaka melalui jalan darat. Dalam perjalanan ke Melaka, beliau terpaksa berenang menyeberangi Sungai Muar kerana di situ tidak terdapat perkhidmatan penambang. Tuan Hussain berjaya menghadapi cabaran menyeberangi sungai tersebut tanpa sebarang masalah memandangkan beliau menguasai kemahiran tersebut kerana kampungnya di Titi Gajah terletak di tebing sungai (Ahmad Abd. Garni bin Haji Said, 1976, hlm. 77).

Di Melaka, beliau menghabiskan masa dengan melakukan pekerjaan yang biasa dilakukan oleh penduduk kampung, iaitu mengambil upah membuat atap nipah serta mengoyak pucuk nipah untuk dijadikan rokok daun. Tuan Hussain melakukan segala pekerjaan tersebut

dengan minat yang mendalam untuk menambah ilmu dan kemahiran hidupnya di samping memperoleh sumber pendapatan bagi meneruskan pengembaraannya yang masih jauh. Sebenarnya dorongan utama pengembaraan Tuan Hussain dari satu negeri ke satu negeri yang lain dan memakan masa yang lama itu adalah tidak lain dan tidak bukan kerana semangatnya untuk menambah ilmu pengetahuan dan keinginannya berguru dengan ulama-ulama tersohor pada masa itu. Tuan Hussain merasakan tidak terdapat ulama yang dapat memenuhi keperluan intelektualnya di negeri-negeri yang telah dilawatinya di Semenanjung Tanah Melayu termasuk Patani. Oleh itu, beliau menaruh minat untuk berhijrah ke Indonesia disebabkan kemasyhuran negara tersebut dengan tokoh-tokoh agamanya (Ahmad Abd. Garni bin Haji Said, 1976, hlm. 77).

Tuan Hussain menumpang sebuah tongkang dari Melaka menuju ke Medan dan seterusnya ke Aceh atau Batubara. Walau bagaimanapun, beliau tidak menghabiskan masa yang lama di keti-tiga Negara tersebut. Beliau hanya sempat belajar selama enam bulan sebelum melarikan diri ke Badagai. Hal ini kerana beliau terpaksa bersembunyi bagi mengelak daripada ditangkap oleh pihak berkuasa kerana memasuki negara itu secara haram. Di Badagai, beliau bekerja sebagai buruh selama enam bulan sebelum mengambil keputusan untuk kembali ke Tanah Melayu dengan mendarat di Melaka. Dari Melaka, beliau berjalan kaki melalui Selangor menuju ke negeri Perak menjelang tahun 1306 Hijrah/1888 Masihi. Pada tahun 1310 Hijrah/1892 Masihi, beliau berangkat ke Makkah bersama-sama isterinya dengan dibiayai oleh datuknya untuk melanjutkan pelajaran. Ketika di Makkah, Tuan Hussain tidak melepaskan peluang untuk belajar ilmu dengan ulama-ulama dari Nusantara yang terkenal di Makkah pada ketika itu (Ahmad Abd. Garni bin Haji Said, 1976, hlm. 77).

Guru-guru Beliau yang Masyhur dari Nusantara

Syeikh Nawawi Bintan, Tuan Ahmad Lingga, Syeikh Hasbullah, Syeikh Omar Sembawa, Tuan Syeikh Muhammad Khafat, Tuan Syeikh Umar Bali (Ahli Jawatankuasa al-Madrasah al-Khairiyah al-Islamiyah, 1404 H/1983 M, hlm. 18).

Sahabat Karib Beliau:

Ketika berada di Makkah juga beliau sempat bersahabat dengan beberapa orang ulama yang lain seperti Haji Muhammad Yusuf Kelantan atau lebih dikenali sebagai Tuk Kenali, Tuan Haji Ya'kub, Sik, Kedah dan Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidek (Pak Wan Sulaiman). Beliau berada di sana selama empat tahun sebelum kembali semula ke Titi Gajah pada tahun 1314 Hijrah/1896 Masihi dan terus menyambung kegiatannya mengajar dan menulis buku-buku agama (Ahli Jawatankuasa al-Madrasah al-Khairiyah al-Islamiyah, 1404 H/1983 M, hlm. 18).

Penubuhan Institusi Pondok:

Bagi melestarikan dakwah Islamiah, Tuan Hussain telah berjaya membuka beberapa institusi pondok yang bermula dari Pondok Alor Ganu (1897–1890M), Bohor (1890–1912M), Bagan Ulu di Pantai Merdeka (1912–1920M), Selengkoh di Sungai Limau (1920–1924M), Batu 16, Padang Lumat (1924–1929M) dan akhir sekali Pondok Sena iaitu al-Madrasah al-Khairiyah al-Islamiyah, Kepala Batas, Seberang Perai (1929–1936M). Jumlah murid Tuan Hussain tidak dapat dipastikan dengan tepat kerana tidak terdapat sumber dan rekod yang menunjukkan bilangan mereka yang pernah belajar di sekolah-sekolah pondok kendaliannya. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa jumlah muridnya memang ramai. Ahmad Abd. Garni menganggarkan bilangan murid Tuan Hussain di Bohor adalah seramai 600 orang, manakala di Pantai Merdeka seramai 400 orang, di Selengkoh terdapat 50 buah pondok, di Batu 16, Padang Lumat ada 40 buah pondok dan seterusnya di Pokok Sena mempunyai 100 buah pondok (Ahmad Abd. Garni bin Haji Said, 1976, hlm. 77).

Di bawah ini senarai antara muridnya yang masyhur termasuklah:

1. Lebai Zakaria dari Pahang.
2. Tuan Umar, iaitu adik kepada Lebai Zakaria.
3. Lebai Daha dari Perak.
4. Lebai Sulung dari Sungai Bengkalis.
5. Haji Turidi dari Bagan Datoh.
6. Haji Wan Nik, Cik Nik dan Wan Din dari Patani.
7. Syeikh Ismail Hamzah, bekas Mufti Perak.

8. Ni‘amatullah Tuan Haji Ahmad Tuan Hussain, yang juga merupakan anak Tuan Hussain sendiri.
9. Haji Wan Abdullah Zawawi bin Haji Wan Muhammad, bekas Kadi Perak.
10. Tuan Haji Abd Rahman bin Haji Abdullah, bekas Dato’ Murshid Diraja Kedah.
11. Tuan Haji Ghazali bin Haji Arsyad, bekas Mudir Sekolah al-Irsyadiyah al-Diniyah, Bagan Datoh, Perak.

Di samping itu, ada juga sumber yang mendakwa Tuan Syeikh Idris al-Marbawi, pengarang Kamus al-Marbawi (Arab-Melayu) juga pernah menjadi murid Tuan Hussain sewaktu beliau mengajar di sekolah pondoknya di Bohor (1319 Hijrah/1890 Masihi – 1333 Hijrah/1913 Masihi). (Ahmad Abd. Garni bin Haji Said, 1976, hlm. 77).

Keperibadian dan Prinsip Hidup

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Tuan Hussain telah mengembara ke merata tempat untuk mencari ilmu pengetahuan semenjak usia muda lagi. Pengalaman beliau dalam pengembaraan itu telah membentuk keperibadian Tuan Hussain menjadi seorang yang tegas, cekal, tidak mudah dipengaruhi oleh orang lain dan sentiasa mempertahankan prinsip hidupnya.

Tuan Hussain amat tegas dalam memenuhi tuntutan agama terhadap dirinya sendiri. Hal ini merupakan faktor utama yang membolehkan beliau menjadi seorang alim yang lain daripada orang alim pada masa itu. Beliau begitu dihormati, disegani dan disanjung oleh masyarakat tempatan ketika itu. Dalam sebuah kitab karangan beliau, Bidayat al-Talibin, beliau menegaskan bahawa tugas umat Islam adalah memujuk, menasihati dan memberikan peringatan kepada orang Islam lain supaya mengikut perintah Allah SWT. Beliau menyatakan kebengisan yang ditunjukkan itu sebagai:

“Maka hendaklah kita ajar sekalian mereka itu dengan perkataan yang lemah lembut, kemudian tiada memberi manfaat ia dengan dia maka dengan amarah (dan janganlah kita takut), orang kata pada ketika itu kita takbur dan sombong cenge dan pamarah kerana orang yang ikhlas hatinya kerana menjunjung perintah Allah Taala”. – Bidayat al-Talibin

Tuan Hussain seorang yang berhemah tinggi, tegas dalam melaksanakan perintah Allah SWT dalam kehidupannya dan orang di bawahnya jagaannya. Beliau tidak sesekali melanggar garisan yang ditetapkan Allah SWT. Beliau juga memandang berat sesuatu perkara itu makruh kerana dibimbangi akan jatuh ke dalam perkara yang haram jika selalu dilakukan. Tuan Hussain sangat benci akan perbuatan merokok. Terdapat suatu kisah mengenainya yang terkenal dalam kalangan murid-muridnya dan mereka yang mengetahui tentang Tuan Hussain ketika beliau mengajar di Bohor. Pada suatu hari, beliau berjalan di kawasan pondok dan beliau terjumpa satu puntung rokok. Semua muridnya dipanggil berkumpul di situ. Beliau mengikat puntung rokok tersebut dengan seutas tali. Kemudian, beliau menyuruh murid-muridnya beramai-ramai menarik puntung rokok tersebut ke sungai dan beliau sendiri membuangnya ke dalam sungai (Ahli Jawatankuasa al-Madrasah al-Khairiyah al-Islamiyah, 1404 H/1983 M, hlm 35–36.)

SUMBANGAN TUAN HUSSAIN KEDAH DALAM BIDANG PENULISAN

Tajuk kitab dalam bahasa Arab, misalnya Usul al-Tawhid. Nama pengarang, misalnya “al-Alim al-Alama’ al-Syeikh Hussain Nasir bin Muhammad Taib al-Mas’udi al-Banjari”. Gelaran pengarang, misalnya “yang terkenal dengan nama Tuan Hussain Kedah”. Nama penerbit, misalnya al-Haji Abdullah bin Muhammad Nurdin al-Rawa. Alamat penerbit. Izin hak cipta, misalnya “dengan keizinan puteranya, sahibul fadzilah Tuan Guru Haji Ahmad bin Tuan Hussain, Kadi Besar Pulau Pinang dan Seberang Prai”. Nama syarikat percetakan, misalnya “The United Press Pulau Pinang” (Mustafa Mohd Isa, 1990, hlm. 187).

Pengarang 19 Karya Agung:

- a. Al-Nur al-Mustafid fi Aqa'id Ahl al-Tawhid (kitab tauhid).
- b. Bidayat al-Talibin (kitab tasawuf).
- c. Bunga Geti (risalah membincangkan masalah yang berkaitan dengan sembahyang ganti).
- d. Hidayat al-Atfal (kitab tauhid).
- e. Hidayat al-Ghilman (kitab Tauhid).
- f. Hidayat al-Mutafakkirin fi Tahqiq Rabb al-Alamin (kitab tauhid).
- g. Hidayat al-Nikah (risalah berkenaan hukum-hukum nikah kahwin).

- h. Hidayat al-Sibyan (kitab tauhid dan ibadat).
- i. Kasr al-Iksir (kitab panduan untuk mengenal diri).
- j. Majmu al-La'i (kitab soal jawab fiqh).
- k. Malaqit al-Lamiyah wa al-Syafiah (kitab ilmu saraf dalam bahasa Arab).
- l. Nail al-Maram fima Yujibu Husn al-Khitam.
- m. Qatr al-Ghathiyah (kitab tasawuf).
- n. Tabsirah li Uli al-Albab (kitab tauhid).
- o. Takdir Qaba'il al-Qadhi (terjemahan kitab Hadith Jawahir al-Bukhari).
- p. Tafrih al-Sibyan (kitab yang mengisahkan sejarah hidup Nabi Muhammad SAW).
- q. Tamrin al-Sibyan (kitab tauhid).
- r. Tanbih al-Ikwan fi Tadbir al-Ma'isyiyah wa Tasih al-Buldan (risalah berkenaan urusan kehidupan dan pembangunan negara).
- s. Usul al-Tawhid (kitab tauhid dan fiqh). (Tunku Zainol Abidin, 1983, hlm. 131)

Penggunaan Pelbagai Teknik Penyampaian:

Tuan Hussain Kedah telah menggunakan pelbagai teknik-teknik penulisan seperti teknik penyandaran hujah, teknik angka pola, teknik dramatik, teknik perbandingan dan teknik naratif. Kesemua teknik ini dapat menarik minat para pelajar dan pembaca kitab-kitab karya tokoh yang mudah difahami dengan jelas dan tidak membosankan.

Teknik Penyandaran Hujah:

Di bawah ini diturunkan satu petikan yang menggunakan teknik ini:

“Maka inilah suatu risalah yang kecil pada menyatakan makrifat Allah Taala dengan musyahadah (ketahui olehmu) bahawasanya mengenal akan wujud Allah dan akan wahdah-Nya iaitu fardhu ain atas tiap-tiap mukalaf dalilnya firman Allah Taala ertinya maka ketahuilah olehmu bahawasanya tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya yang ada melainkan Allah dan lagi firman-Nya ertinya maka ketahuilah olehmu akan bahawasanya Allah Taala iaitu Tuhan kamu ialah sebaik-baik Tuhan dan ialah sebaik-baik yang menolong” (*Kasr al-Iksir lil Saqir inda Kabir li Makrifat Allah al-Alim al-Khabir*, hlm. 2).

Teknik Angka Pola

Tuan Hussain gemar menggunakan angka pola dalam membicarakan sesuatu yang berkaitan dengan hukum. Dalam kitabnya, Hidayat al-Sibyan hampir semua perbincangan dihuraikan dengan angka pola. Penggunaan angka pola seperti dalam teks berikut memudahkan pembaca mengingatnya. Angka pola itu merupakan kunci untuk mengingat hukum-hukum yang bersabit dengan sesuatu perkara.

“Bermula syarat wuduk dan mandi itu dua belas perkara.” (hlm. 9)

“Bermula sunat sujud Sahwi itu atas lima sebab.” (hlm. 2)

“Bermula binatang yang wajib zakat padanya itu lima perkara.” (hlm. 31)

Teknik Dramatik

Dalam kitabnya, kadang-kadang Tuan Hussain menggunakan teknik dramatik atau teknik penceritaan melalui dialog atau kata bual. Watak-watak perlu berinteraksi antara satu dengan yang lain. Teknik ini memerlukan penciptaan kata bual atau dialog. Penggunaan teknik ini dapat memberikan kepelbagaian dalam teknik penyampaian yang lazimnya mendatar dan membosankan. Melalui dialog, unsur nada dapat dimasukkan dalam syarahan dan dapat menghilangkan perasaan bosan yang lahir daripada pernyataan yang statik. Selain itu, untuk menjelaskan sesuatu perlakuan teknik dramatik, teks seperti di bawah ini digunakan:

“Berkata empunya, Allah, Muhammad, Besi, ketiga-tiganya berbeka-beka. Kata Allah Aku Tua, Kata Muhammad Aku Tua, Kata Besi Aku Tua. Kemudian berkata Allah kepada Muhammad dan Besi; Jika hangpa tua cuba hangpa meresap. Maka meresap Muhammad, tiada meresap. Kemudian meresap pula besi tidak jadi resap. Kemudian resap Allah, maka resap ia di dalam besi. Perkataan ini panjang lagi... (Hidayat al- Mutafakkirin, hlm. 10).

Penggunaan “Teknik Dramatik” ini bertujuan membahaskan ajaran sesat (Taslim, Qadiyani dan sebagainya) yang berlaku dalam masyarakat. Teknik dramatik itu dapat difahami dengan jelas oleh pembaca dan juga memudahkan mereka mengikuti perbincangan yang diutarakan oleh pengarang.

Teknik Perbandingan

Tuan Hussain juga menyampaikan kandungan kitabnya dengan menggunakan teknik perbandingan. Teknik perbandingan membawakan contoh-contoh perbandingan dalam teks untuk memudahkan pemahaman pembaca. Dalam kitabnya, *Bidayat al- Talibin* jelas dapat dilihat penggunaan teknik ini.

Contohnya:

“Ketahuilah olehmu, bahawasanya bagi kaum sufi itu tiga perkara iaitu syariat dan tariqat dan hakikat. Maka syariat itu seperti kapal dan tarikat itu seperti laut dan hakikat seperti mutiara. Dan barang siapa berkehendak ia akan mutiara, maka naik ia akan kapal dan masuk ia ke dalam laut, maka sampai ia kepada dar (maka) barang siapa meninggalkan ia ini tertib nescaya tiada mendapat ia akan mutiara (ertinya barang siapa) tiada bersungguh-sungguh ia dengan segala perkerjaan syariat dan tarikat.” (hlm. 24).

Teknik Naratif

Teknik naratif merupakan teknik yang mudah untuk menyampaikan sesuatu ilmu terutamanya yang berkaitan dengan alam ghaib, iaitu lebih ringkas dan cepat difahami oleh pembaca. Teknik naratif juga memerlukan pemerian terperinci, misalnya sifat ahli syurga dapat digambarkan dengan lebih jelas. Demikian juga dengan sifat ahli neraka. Dengan penggunaan teknik ini, unsur hiperbola dan perbandingan perorangan (personifikasi) dapat dimasukkan dengan mudah. Dengan menggunakan teknik naratif ini, selain dapat menggambarkan sesuatu dengan jelas, Tuan Hussain juga dapat merumuskan sesuatu pemerianya dengan tegas. Rumusan itu biasanya dilakukan dalam bentuk menceritakan sesuatu yang salah dan bercanggah dengan ajaran Islam, misalnya:

“Dikatakan atas beberapa kelakuan yang tiada diredha oleh syarak dan panjang perkataannya lagi tiada lulus hamba hendak citrakan dia (ketahuilah olehmu) bahawasanya sekalian mereka yang tersebut itu sesat sekaliannya lagi menyesat akan orang lain pula dan dinamakan dia musyrik ertinya menyengutu akan Allah dengan yang lainnya...” (Hidayat al-Mutafakkirin, hlm.10)

Penghijrahan Tuan Hussain Kedah ke Pokok Sena

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, Tuan Hussain memang sudah biasa berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan menubuhkan pondok di tempat-tempat tersebut. Menurut

cucu beliau, Tuan Haji Omar bin Haji Ahmad, walaupun sudah biasa berpindah, namun perpindahan Tuan Hussain ke Pokok Sena adalah atas desakan atau tekanan yang dihadapinya. Hal ini diperkuatkan lagi dengan pengakuan Tuan Haji Omar yang menyatakan bahawa perpindahan tersebut adalah disebabkan perselisihan pendapat antara datuknya dengan Tuan Haji Wan Sulaiman bin Haji Wan Sidek (Pak Wan Sulaiman) yang memegang jawatan sebagai Syeikh al-Islam negeri Kedah pada waktu itu. (Temu bual dengan Tuan Haji Omar bin Tuan Haji Ahmad di kediamannya di Pondok Pokok Sena pada pukul 10.35 pagi – 12.30 tengah hari, Rabu, 25 November 2009).

Perselisihan tersebut bermula apabila Tuan Hussain membuat sedikit kritikan kepada Pak Wan Sulaiman yang mengajar tarekat Naqsyabandi al-Mujaddid al-Ahmadi kepada sesiapa sahaja yang ingin mempelajarinya termasuk kanak-kanak dan wanita. Tuan Hussain berpendapat ilmu tarekat tidak sepatutnya diajar secara terbuka kerana ilmu tersebut akan menghilangkan mutu tarekat itu sendiri. (Ishak Mohd. Rejab, 1993, hlm. 47).

Menurut Tuan Haji Abdullah bin Tuan Haji Ahmad, perselisihan antara Tuan Hussain dan Pak Wan Sulaiman bertambah serius apabila Tuan Hussain membantah secara terang-terangan pendapat Pak Wan Sulaiman bahawa faedah yang dikenakan oleh syarikat kerjasama kepada peminjam-peminjam tidak dianggap sebagai riba. Selain itu, menurut Tuan Haji Omar, datuknya seorang yang tegas dalam menetapkan hukum-hakam. Beliau tidak pernah berselindung dalam mengeluarkan fatwa serta mengkritik secara terang-terangan kepada sesiapa sahaja samada dengan Pak Wan Sulaiman mahupun sultan jika pendapat mereka dilihat bertentangan dengan prinsip agama Islam. Kritikan ini diterima dengan pedih oleh Pak Wan Sulaiman sebagai Syeikh al-Islam negeri Kedah pada masa itu. Walau bagaimanapun, Pak Wan Sulaiman terpaksa memendam perasaannya sehingga ke suatu masa untuk diambil tindakan. (Temu bual dengan cucu Tuan Hussain, Tuan Haji Abdullah bin Tuan Haji Ahmad di kediaman abangnya di Pondok Pokok Sena pada pukul 10.35 pagi – 12.30 tengah hari, Rabu, 25 November 2009).

Berdasarkan undang-undang Mahkamah Syariah negeri Kedah yang dipinda pada 20 Oktober 1921, memperuntukkan bahawa sesiapa sahaja ditegah menerbitkan kitab atau risalah

agama sebelum mendapat persetujuan daripada Syeikh al-Islam negeri Kedah atau wakilnya. Di samping itu, guru-guru agama yang mengajar mesti mengambil tauliah terlebih dahulu. Kenyataan tersebut disokong oleh Tuan Haji Omar bin Tuan Haji Ahmad, yang menegaskan bahawa apabila undang-undang ini dikuatkuasakan, Tuan Hussain telah didesak oleh Pak Wan Sulaiman supaya mengambil tauliah mengajar tetapi Tuan Hussain tidak menghiraukannya. Situasi ini telah menimbulkan kemarahan Pak Wan Sulaiman sehinggalah pada suatu hari, beliau mendapat satu naskhah kitab karangan Tuan Hussain berjudul Hidayat al-Mutafakkirin. Kitab itu dikarang atas permintaan pelajar Tuan Hussain, iaitu Sultan Iskandar, sultan negeri Perak. (Temu bual dengan Tuan Haji Omar bin Tuan Haji Ahmad di kediamannya di Pondok Pokok Sena pada pukul 10.35 pagi – 12.30 tengah hari, Rabu, 25 November 2009).

Kitab itu telah dicetak dan diterbitkan di negeri Perak dengan kebenaran Raja Muda Perak, Raja Abd. Aziz. Pak Wan Sulaiman mempersembahkan perkara itu kepada Tengku Mahmud dan memohon supaya Tuan Hussain diambil tindakan. Beliau mendakwa tindakan Tuan Hussain melanggar peraturan Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah yang menegah sesiapa sahaja menerbitkan risalah atau kitab tanpa kebenaran Syeikh al-Islam atau wakilnya. (Temu bual dengan Tuan Haji Omar bin Tuan Haji Ahmad di kediamannya di Pondok Pokok Sena pada pukul 10.35 pagi – 12.30 tengah hari, Rabu, 25 November 2009).

Berikutan penemuan bukti kukuh, iaitu kitab Hidayat al-Mutafakkirin, Pak Wan Sulaiman telah bertindak menulis sepucuk surat kepada Tuan Hussain. Surat tersebut diperakui oleh Tunku Mahmud bin Sultan Ahmad Tajuddin, Presiden Majlis Negeri ketika itu dengan menurunkan cop mohornya. Surat itu mengandungi sindiran dan cabaran agar Tuan Hussain keluar dari negeri Kedah. Antara lain kandungan surat itu berbunyi seperti yang berikut:

“Kalau tidak mahu mengikut undang-undang negeri Kedah lebih baik tidak usah duduk di Kedah. Kalau hendak duduk di Kedah, ikut undang-undang negeri Kedah.” (Ishak Mohd. Rejab, 1993, hlm. 49).

Surat itu disampaikan kepada Tuan Hussain lebih kurang pada pukul 10 pagi oleh pihak polis. Pada keesokan harinya, Tuan Hussain bersama keluarganya berangkat meninggalkan

negeri Kedah menuju ke Butterworth, Seberang Perai. Tambahan daripada pengakuan kedua-dua cucunya, Tuan Haji Omar dan Tuan Haji Abdullah bin Tuan Haji Ahmad yang mengatakan bahawa perpindahan Tuan Hussain bukan disebabkan pentauliahan mengajar, tetapi kerana sikap kurang senang Pak Wan Sulaiman terhadap pengaruh Tuan Hussain yang meluas di Kedah dan beliau tidak dapat menandingi kehebatan Tuan Hussain. Maka dengan hal yang demikian, Pak Wan Sulaiman mengenakan syarat memiliki tauliah mengajar bagi sesiapa yang hendak mengajar ilmu agama di negeri Kedah. (Temu bual dengan Tuan Haji Omar bin Tuan Haji Ahmad di kediamannya dan adiknya, Tuan Haji Abdullah bin Tuan Ahmad di Pondok Pokok Sena pada pukul 10.35 pagi – 12.30 tengah hari, Rabu, 25 November 2009).

Kematian Tuan Hussain

Pada 13 Zulkaedah 1354 Hijrah, beliau dibawa pulang ke rumahnya di Padang Lumat. Empat hari kemudian, iaitu pada malam 17 Zulkaedah 1354 Hijrah, iaitu pada tahun 1935 Masihi, beliau telah pulang ke rahmatullah. Beliau disemadikan di tanah perkuburan wakafnya sendiri di Titi Gajah setelah rayuan keluarganya diterima oleh Tunku Mahmud, yang pada mulanya mahukan Tuan Hussain disemadikan di Makam Diraja di Langgar. Usia Tuan Hussain pada masa itu ialah 74 tahun mengikut kiraan tahun Hijrah dan 72 tahun mengikut kiraan tahun Masihi. (Persatuan Bekas-bekas Pelajar al-Madrasah al-Khairiyah al-Islamiyah, 1979, hlm.20)

Kesimpulan

Tuan Hussain mendapat sanjungan rakyat sebagai tokoh istimewa kerana jasa dan khidmatnya sebagai seorang pengajar yang mempunyai fikiran yang bernas dan mendalam. Selain itu, beliau juga merupakan seorang yang mempunyai prinsip, warak dan ikhlas dalam hidupnya. Reputasinya jelas sehingga ulama-ulama sezaman dengannya bangun menghormati beliau dalam mana-mana majlis dan jika bersembahyang, beliau sentiasa diberi penghormatan untuk mengimamkan ulama-ulama lain. Ringkasnya beliau juga diberikan gelaran “Tokoh Tuk Guru Pondok di Malaysia” kerana jasanya yang besar dalam pembinaan institusi pondok sebagai pusat pengajian ilmu agama dan ilmu duniawi. Inilah salah satu elemen modal insan yang telah beliau terapkan bagi melahirkan para pelajar yang mempunyai jati diri Muslim sejati dan menjadi insan

yang hebat dalam ilmu keduniaan seperti perniagaan dan pertanian. Sesungguhnya, kepakaran dan kehebatan beliau dalam bidang ilmu duniawi dan ukhrawi sukar dicari ganti. Semoga rohnya ditempatkan dalam kalangan para anbia dan solihin. Amin ya rabbal alamin... Semoga kertas kerja ini juga dapat menjadi rujukan dan manfaat kepada para pembaca yang ingin mengenali dan menyelami pemikiran tokoh ulung ini.

Bibliografi

Abu Daudi, 2003. *Maulana Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (Tuan Haji Besar)*. Martapura: Yayasan Pendidikan Islam Dalam Pagar

Ahli Jawatankuasa al-Madrasah al-Khairiyah al-Islamiah, 1404 H/1983M. *Kenangan Cenderamata 50 Tahun Madrasah al-Khairiyah al-Islamiah*. Pulau Pinang: Madrasah al-Khairiyah al-Islamiah.

Ahmad Abd. Garni bin Haji Said, 1976. "Tuan Hussain Kedah". Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Hussain Nasir bin Muhammad Taib al-Masoudi al-Banjari, 1393 H. *Usul al-Tawhid*. Pulau Pinang: The United Press.

Hussain Nasir Muhammad Taib al-Maousdi al-Banjari, 1356/1937. *Kasr al-Iksir li al-Saqir inda Kabir li Makrifat Allah al-Alim al-Khabir*. Pulau Pinang: Al-Hadi Press.

Hussain Nasir, 1355 H. *Hidayat al-Sibyan*. c. 6. Mesir.

Hussain Nasir, 1377 H. *Hidayat al-Mufakkirin*. c. 5. Pulau Pinang.

Ishak Mohd. Rejab, 1993. "Haji Hussain Mohd. Nasir al-Mas'udi al-Banjari" dlm. *Ulama Silam dalam Kenangan*. Ismail Mat (ed.). Bangi: Penerbit UKM.

Mustafa Mohd Isa, 1990. "Alim Ulama di Negeri Kedah Peranan Dua Orang Tokoh dalam Perkembangan Persuratan Jawi". Tesis Ijazah PhD: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM.

Persatuan Bekas-bekas Pelajar al-Madrasah al-Khairiyah al-Islamiah, 1979. *Tokoh Ulung Tuan Hussain bin Mohd Nasir bin Mohd Taib al-Mas'udi al-Banjari*. Pulau Pinang: Al-Madrasah al-Khairiyah al-Islamiah.

Syeikh Abdul Rahman Siddiq bin Muhammad Afif al-Banjari, 2005. *Shajarat al-Arsyadiyah*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah

Tunku Zainol Abidin, 1983. *Negeri Kedah Darulaman*. Perpustakaan Negeri Kedah.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 2001. *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Jil 14. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah.